

# **BANTUAN ZAKAT PENDIDIKAN KEPADA GOLONGAN ASNAF: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA NEGERI SEMBILAN DAN NEGERI SELANGOR**

## ***EDUCATIONAL ASSISTANCE OF ZAKAT TO ASNAF: A COMPARATIVE STUDY BETWEEN THE STATE OF NEGERI SEMBILAN AND NEGERI SELANGOR***

Siti Martiah Anwar<sup>1</sup>  
Azman Ab Rahman<sup>2</sup>  
Nor Asiah Yaakub<sup>3</sup>  
Mohd Faez Abu Bakar<sup>4</sup>

### **ABSTRAK**

Institusi zakat bertanggungjawab dalam mengagihkan zakat kepada lapan golongan asnaf sepertimana yang telah ditetapkan di dalam al-Quran iaitu kepada fakir, miskin, muallaf, fi sabilillah, ibnu sabil, gharimin, riqab dan amil. Pengagihan zakat kepada lapan golongan asnaf ini terdapat dalam pelbagai bentuk dan skim seperti bantuan pendidikan, bantuan sara hidup, bantuan kesihatan, bantuan program pembangunan insan, bantuan ekonomi dan keusahawanan serta bantuan musibah. Walaubagaimanapun kertas kerja ini lebih memfokuskan kepada bantuan pendidikan yang telah di berikan kepada golongan asnaf. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis dan bentuk bantuan zakat pendidikan yang telah diberikan kepada asnaf khususnya di Negeri Sembilan dan di Negeri Selangor. Seterusnya, kertas kerja ini akan menilai bentuk dan skim bantuan tersebut sama ada terdapat perbezaan yang wujud yang turut memberikan impak dan kesan yang berbeza dalam pembangunan pendidikan di kedua-dua negeri tersebut seterusnya dapat memperkasakan ekonomi ummah melalui bantuan zakat pendidikan tersebut. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara kuantitatif iaitu merupakan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temubual dan kualitatif yang merupakan kajian dokumentasi yang menggunakan kaedah deduktif dan induktif. Hasil kajian mendapati bahawa, bantuan zakat pendidikan turut diberikan kepada asnaf ar-riqab di Negeri Sembilan berbeza dengan di negeri Selangor iaitu kepada golongan asnaf fakir dan miskin. Walaupun begitu, objektif utama bantuan zakat pendidikan tersebut masih tercapai iaitu untuk memberikan peluang

---

<sup>1</sup> Pelajar ijazah sarjana, Undang-undang perbandingan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.. Email: [martiahanwar@gmail.com](mailto:martiahanwar@gmail.com) Tel: (+60) 013-3538264

<sup>2</sup> Pensyarah kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Email: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my) Tel:(+60) 012-2165852

<sup>3</sup> Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. Email: [norasiah@usim.edu.my](mailto:norasiah@usim.edu.my) Tel:(+60) 012-3987579

<sup>4</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Email: [alfaez25@yahoo.my](mailto:alfaez25@yahoo.my) Tel:(+60) 019-3691660

pendidikan yang sama seperti yang lain dan mengeluarkan asnaf daripada kepompong kemiskinan melalui pendidikan yang berterusan dan kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran. Diharapkan kajian ini dapat memberi gambaran kepada masyarakat tentang bentuk dan skim bantuan pendidikan yang disediakan kepada golongan asnaf serta memberikan pemahaman yang jelas tentang golongan yang layak mendapatkan bantuan zakat pendidikan. Bantuan zakat pendidikan ini amat penting dalam membantu golongan asnaf dalam mendapatkan peluang pendidikan dan pekerjaan yang baik yang turut menyumbang kepada pemeraksanaan ekonomi ummah.

**Kata Kunci:** Zakat, Bantuan Pendidikan, Fakir dan Miskin, ar-Riqab

### **ABSTRACT**

*Zakat institution is responsible in distributing the zakat to eight asnaf as has been decreed in the Quran which are to the poor, needy, muallaf, fi sabilillah, ibnu sabil, gharimin, riqab and amil. The distribution of zakat is in various forms and schemes like educational assistance, cost living, health assistance, human capital development, entrepreneurship, economic assistance and natural disasters aid. However this paper is focussing more on the educational aids to asnaf. Therefore, this paper is to examine the scheme and educational aids given to the asnaf especially in Negeri Sembilan and Negeri Selangor. Furthermore, this paper will analyse the scheme and educational aids, whether there is a significant differences between the scheme and educational aids in both states which affected in the development of education and later helps in strengthening the economy of the ummah. This research applied the quantitative research methodology which is field study using interviews methods and qualitative using the documentation research in the form of deductive and inductive methods. The finding of the research indicated that the educational aids in Negeri Sembilan is given also to the asnaf ar-riqab instead of asnaf poor and needy like in the state of Selangor. However, it does not impair the main objectivity of the aids which is to give equal opportunity and continuous education until successful in their study. It is hoped that this research will gives a better overview and understanding to the society on the types of educational aids offered to the asnaf and whom are qualified to such assistance. Educational aids is very important to help the asnaf to get a better education and career in the future which will also contribute to the empowerment of the economy of ummah.*

**Keywords:** Zakat, Educational aids, Poor and Needy, ar-Riqab

## 1. PENDAHULUAN

Zakat memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan bagi golongan asnaf zakat terutamanya pelajar fakir dan miskin di Malaysia. Terdapat beberapa kes melibatkan golongan fakir dan miskin yang berhenti sekolah dan tidak dapat meneruskan persekolahan disebabkan oleh masalah kewangan. Kes seperti ini telah direkodkan dan mendapat liputan yang meluas oleh pihak media massa dan elektronik. Sebagai contoh, seorang anak sulung daripada lima beradik di Kuantan iaitu Mohd Abu Khir Abu Bakar yang merupakan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abu Bakar tidak dapat meneruskan pelajaran kerana gagal menjelaskan yuran Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) manakala dua adiknya yang lain sering kali tidak menghadiri diri ke sekolah kerana malu dengan rakan-rakan mereka yang mereka adalah orang miskin (Sinar Harian, 28 Februari 2013).

Berdasarkan tinjauan awal yang dibuat oleh penyelidik terhadap institusi zakat negeri-negeri dan unit baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, institusi-institusi ini mempunyai skim dan bentuk bantuan atau sumbangan pendidikan kepada golongan asnaf khususnya fakir dan miskin seperti bantuan persekolahan, bantuan melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), biasiswa kecil pelajaran, bantuan kepada sekolah pondok dan juga bantuan pengajian tinggi ke luar negara (Dasar Agihan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994; Hak Asnaf: Asnaf Fakir dan Miskin, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang; Bantuan: Pendidikan, Lembaga Zakat Selangor; Skim Bantuan, Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman; Buku Panduan Skim Agihan Bantuan Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu)

Isu ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Abd Halim dan Mohd Saladin (2011) yang bertajuk 'Pengurusan Agihan Zakat', ia menerangkan kaedah yang dilaksanakan dalam mengelola dana zakat yang telah dikumpul supaya dapat diagihkan kepada asnaf yang berhak. Memandangkan peningkatan prestasi kutipan zakat semakin meningkat maka pengagihan seharusnya meningkat sama supaya dapat mengurangkan bilangan yang tidak berkemampuan. Kajian ini mendapati bentuk bantuan kepada asnaf perlu dimantapkan lagi terutamanya dari segi pengagihan pendidikan. Ini kerana bantuan berterusan dari segi pendidikan kepada golongan asnaf sehingga mereka berjaya adalah sangat penting, ia dapat mengubah kehidupan dan meningkatkan lagi ekonomi negara dan ummah.

Berdasarkan Manual Pengurusan Agihan Zakat yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2008), ia menerangkan tentang bentuk bantuan dan skim pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf seperti skim bantuan pelajaran, skim bantuan Am pelajaran/ dermasiswa, skim bantuan yuran persekolahan dan peperiksaan sekolah rendah/menengah, skim bantuan aktiviti dan lawatan belajar. Tujuan skim seperti ini diwujudkan adalah untuk memberi bantuan pelajaran kepada anak golongan asnaf supaya tidak tercicir dalam pelajaran serta dapat memperbaiki taraf hidup keluarga.

Tidak dapat dinafikan bahawa institusi zakat di Malaysia telah memberikan beberapa bentuk skim dan bantuan pelajaran kepada fakir dan miskin di Malaysia. Tetapi permasalahan lain yang timbul adalah seperti golongan asnaf seperti fakir dan miskin, muallaf, fisabilillah dan ar-roqab ini tidak diberikan pendedahan dan pengetahuan tentang cara-cara dan kelayakan untuk memohon bantuan tersebut yang menyebabkan hanya segelintir sahaja golongan tersebut yang mendapat manfaat daripada skim dan bantuan tersebut. Isu ini turut dibincangkan juga dalam kajian yang dijalankan oleh Azman Ab Rahman dan Ahmad Wifaq Makhtar (2011) yang bertajuk ‘Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam’ dalam Jurnal Pengurusan Jawhar, Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri. Kajian ini menjelaskan bahawa salah satu faktor kegagalan dan kesukaran permohonan bantuan pendidikan adalah disebabkan oleh pemohon tidak memenuhi syarat kelayakan yang perlu dipenuhi sebelum membuat permohonan.

## 2. SKIM DAN BANTUAN PENDIDIKAN YANG DIBERIKAN OLEH INSTITUSI ZAKAT DI NEGERI SEMBILAN DAN NEGERI SELANGOR

Terdapat pelbagai skim dan bentuk bantuan pendidikan yang telah ditawarkan kepada golongan asnaf oleh institusi zakat di seluruh negeri di Malaysia khususnya di Negeri Sembilan dan di Negeri Selangor. Skim dan bentuk bantuan pendidikan ini dapat diringkaskan seperti dalam Jadual (1) dan Jadual (2) di bawah:

Jadual 1: Jenis Skim dan Bentuk Bantuan Pendidikan oleh Institusi Zakat di Negeri Sembilan

No	SKIM DAN BENTUK BANTUAN PENDIDIKAN	ASNAF
1	Pinjaman dan bantuan zakat pelajar Timur Tengah tajaan MAINS dan bantuan perkapita Sekolah SMAN, SABK, SAR, KAFA, Tahfiz dan Tadika Islam, Dermasiswa pelajaran, Bantuan kelas agama petang, Bantuan pembudayaan al-Quran dan ilmu, Geran penjawatan pusat kaunseling, Bantuan pemulihan akhlak dan bantuan pemurnian akidah.	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i> , <i>Ar-riqab</i>

Jadual 2: Jenis Skim dan Bentuk Bantuan Pendidikan oleh Institusi Zakat di Negeri Selangor

No	SKIM DAN BENTUK BANTUAN PENDIDIKAN	ASNAF
1	Keperluan Pendidikan, Bantuan Yuran Sekolah Rendah dan Menengah, Biasiswa Pelajaran, Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas, Dermasiswa, Bantuan Umum Pelajaran, Elaun Guru KAFA, Bantuan Umum Pelajaran Dalam dan Luar Negara, Dermasiswa Pelajar Belajar di Timur Tengah, Dermasiswa Hufaz Quran.	Fakir dan Miskin, Muallaf, Fisabilillah

Berdasarkan kepada Jadual (1) di atas iaitu jenis skim dan bentuk bantuan pendidikan di negeri Selangor, asnaf yang menerima bantuan tersebut adalah daripada golongan asnaf fakir dan miskin, muallaf, dan fisabilillah. Agihan zakat bagi golongan asnaf ini adalah termasuk di bawah Program Pembangunan Pendidikan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang

memperuntukkan 32% daripada jumlah keseluruhan agihan pada tahun 2013. Manakala di Negeri Sembilan dalam Jadual (2), golongan asnaf yang menerima bantuan pendidikan adalah asnaf fakir dan miskin, fisabilillah dan ar-riqab. Terdapat sedikit perbezaan dari segi golongan asnaf yang menerima bantuan pendidikan di kedua-dua negeri di mana asnaf *ar-riqab* turut mendapat bantuan pendidikan dalam bentuk dermasiswa pendidikan di Negeri Sembilan dan mualaf di Negeri Selangor (Mohd Yusof, 2013).

Disamping itu juga terdapat beberapa persamaan dari segi jenis bentuk bantuan pendidikan di kedua-dua negeri termasuklah bantuan pendidikan persekolahan di sekolah rendah dan menengah, IPTA dan pengajian di luar negara khususnya di Timur Tengah, Dermasiswa pelajaran, bantuan dan elaun kepada Huffaz al-Quran serta aktiviti atau program yang berkaitan dengan pendidikan asnaf. Walaubagaimanapun terdapat sedikit perbezaan di Negeri Sembilan iaitu dari segi bantuan pemulihan akhlak dan akidah serta pembudayaan al-Quran. Bantuan ini mula diwujudkan pada tahun 2012 di bawah asnaf ar-riqab (Mohd Yusof, 2013). Disamping itu juga bantuan geran penjawatan pusat kaunseling yang sedia ada telah dipinda kepada asnaf fisabilillah mulai tahun 2012.

### **3. PERBEZAAN GOLONGAN ASNAF YANG MENERIMA BANTUAN PENDIDIKAN**

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan di kedua-dua buah negeri iaitu di negeri Sembilan dan Negeri Selangor, terdapat sedikit perbezaan dari segi golongan penerima bantuan zakat pendidikan iaitu asnaf ar-riqab turut diberikan bantuan dari segi pendidikan di negeri Sembilan manakala kepada asnaf Mualaf di Negeri Selangor.

#### **3.1 Asnaf Ar-Riqab dan pendidikan di Negeri Sembilan**

Pada peringkat awal, agihan zakat tidak merangkumi kesemua lapan asnaf sehinggalah pada tahun 2005 dimana pihak Baitulmal Negeri Sembilan telah memasukkan asnaf ar-Riqab dalam agihan zakat Negeri Sembilan. Kategori “dermasiswa” yang diwujudkan sebelum ini adalah berbentuk khusus dan tidak diletakkan di bawah mana-mana asnaf zakat dan akhirnya ia telah pun dimasukkan di bawah asnaf ar-Riqab selepas tahun 2005.

Dermasiswa tersebut diletakkan di bawah asnaf ar-Riqab yang bermaksud golongan yang “terbelunggu” dengan cara memperluaskan maksud terbelunggu tersebut kepada tafsiran yang luas daripada yang dinyatakan di dalam al-Quran. Maka, tafsiran yang meluas bagi maksud terbelunggu adalah belunggu selain “perhambaan” iaitu membebaskan daripada belunggu kejahilan (Mohd Yusof, 2013). Maksud awal ar-Riqab adalah dikaitkan dengan perhambaan, tetapi sistem perhambaan ini tidak wujud lagi pada masa ini dan memerlukan kepada ijtihad untuk menilai situasi atau keadaan lain yang turut mempunyai ciri terbelunggu tersebut. Perkara ini turut dibincangkan di dalam kertas kajian asnaf dalam Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan bersetuju dengan amalan pengagihan zakat kepada asnaf ar-Riqab yang di

amalkan di Negeri Sembilan. Bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf ar-Riqab yang dapat membebaskan golongan asnaf ar-riqab daripada belunggu kejahilan dapat diringkaskan seperti dalam Jadual (3) di bawah.

Jadual 3: Jenis Skim dan Bentuk Bantuan Pendidikan kepada Asnaf Ar-Riqab di Negeri Sembilan

BIL	JENIS BANTUAN
1	Bantuan aktiviti institusi pendidikan
2	Dermasiswa pelajaran
3	Bantuan kelas agama petang
4	Bantuan pembudayaan al-Quran dan ilmu
5	Bantuan sekolah menengah agama
6	Bantuan pengajian tinggi
7	Bantuan persekolahan
8	Bantuan Pengajian Timur Tengah
9	Elaun KAFA
10	Bantuan perpustakaan sekolah agama
11	Bantuan sekolah agama rakyat
12	Bantuan program intensif ke Timur Tengah
13	Bantuan program pembangunan huffaz
14	Geran Perjawatan Pusat Kaunseling
15	Bantuan pemulihan akhlak
16	Bantuan pemurnian akidah

Berdasarkan Jadual (3) di atas, terdapat 16 jenis bantuan pendidikan yang diberikan kepada asnaf ar-Riqab. Antaranya ialah bantuan aktiviti institusi pendidikan yang meliputi program, peralatan dan selenggaraan kecil di institusi pendidikan seperti sekolah, kolej dan universiti. Manakala dermasiswa pelajaran adalah bukan berbentuk pinjaman sebaliknya dermasiswa tahunan.

Terdapat juga bantuan pendidikan yang menitikberatkan pembudayaan al-Quran dan ilmu di mana bantuan diberikan dalam bentuk elaun program dan kursus-kursus yang berkait rapat dengan pembudayaan al-Quran dan ilmu. Bantuan pembangunan Huffaz al-Quran turut diberikan dalam bentuk elaun para Huffaz, aktiviti-aktiviti pemantapan al-Quran di masjid-masjid dan bantuan ini amat penting diberikan demi melahirkan lagi huffaz al-Quran dan masyarakat yang berpegang pada al-Quran sebagai panduan hidup dan keluar daripada belunggu kejahilan dan perhambaan terhadap tuntutan duniawi.

Di samping itu juga, bantuan pendidikan turut diberikan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negara seperti bantuan khas sempena kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT), dermasiswa pelajar tajaan ke Timur Tengah dalam bidang pengajian Islam dan perubatan. Perpustakaan yang turut menyediakan bahan bacaan dan menjadi sumber utama bahan bacaan ilmiah pelajar turut di berikan perhatian dalam bantuan pendidikan. Ini kerana dengan membaca bahan-bahan ilmiah tersebut, ia dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan membantu mereka dalam pelajaran sehingga berjaya seterusnya dapat

membantu mengeluarkan pelajar golongan asnaf zakat ini daripada terbelenggu oleh kejahilan dan kepompong kemiskinan.

Manakala bantuan pemulihan akhlak dan akidah di bawah bantuan pendidikan asnaf ar-riqab adalah meliputi aspek pemulihan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender), AIDS, dadah, masalah sosial dan moral. Ia meliputi pembiayaan untuk program dan tempat perlindungan bagi yang mengalami masalah akhlak dan akidah Islamiyah.

### **3.2 Asnaf Mualaf dan pendidikan di Negeri Selangor**

Golongan asnaf mualaf turut diberikan bantuan dari segi pendidikan di Negeri Selangor. Antara bentuk bantuan yang diberikan adalah elaun kehadiran kelas agama asas, dermasiswa dan bantuan umum pelajaran. Bantuan pendidikan ini termasuk dalam “Program Pembangunan Pendidikan” oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Jumlah keseluruhan agihan zakat pendidikan kepada mualaf pada tahun 2013 adalah sebanyak 3.9 juta daripada 72.8 juta agihan zakat pendidikan (Laporan Kutipan dan Agihan Zakat di Selangor, 2013).

Di samping bantuan pendidikan yang diberikan kepada asnaf zakat, Lembaga Zakat Selangor juga telah mensasarkan dan merancang beberapa aktiviti dan program khusus kepada golongan asnaf fakir dan miskin di Selangor dari segi bantuan pendidikan. Antaranya ialah seperti yang dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor pada tahun 2013 iaitu sebanyak RM 17.9 juta zakat pendidikan telah diagihkan kepada golongan asnaf yang melibatkan seramai 32,919 orang asnaf. Menurut ketua sektor pengurusan daerah LZS iaitu Mohd Basir Hasan Basri, agihan bantuan zakat pendidikan ini bertujuan untuk memperkasa pendidikan dan juga memenuhi keperluan persekolahan supaya anak-anak dapat menumpukan pembelajaran sehingga ke peringkat universiti (Laporan Kutipan dan Agihan Zakat, Info Zakat, Lembaga Zakat Selangor, 2013).

LZS turut memperuntukkan zakat berjumlah RM2.5 juta melalui Program Sekolah Angkat (Prosa2012) untuk dimanfaatkan kepada 15,220 anak asnaf yang menuntut di sekolah rendah dan menengah di Selangor. Program ini dijalankan dengan usahasama LZS bersama Jabatan Pelajaran Selangor (JPS) dengan memfokuskan anak asnaf yang bakal menduduki peperiksaan utama iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Ujian Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Laporan Kutipan dan Agihan Zakat di Selangor Bagi Tahun 2012).

Menurut laporan kutipan dan agihan zakat di Selangor bagi tahun 2012, sebanyak 26,069 keluarga asnaf fakir dan miskin telah dicatatkan. Oleh yang demikian, beberapa program giat dijalankan bagi mengurangkan bilangan keluarga asnaf fakir dan miskin dari tahun ke tahun iaitu melalui program pembangunan sosial, program pembangunan ekonomi, program pembangunan pendidikan, program pembangunan insan dan juga program pembangunan

institusi agama. Tujuan diadakan program pembangunan pendidikan oleh LZS adalah untuk melahirkan generasi asnaf yang cemerlang dan bebas daripada kemiskinan di Selangor (Laporan Pengurusan Zakat Selangor, 2008).

Manakala sumbangan yang berterusan yang diberikan oleh LZS semenjak tahun 2008 sehingga kini ialah sumbangan pakaian sekolah di awal tahun persekolahan. LZS telah memberikan sumbangan pakaian kepada 48 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sijangkang Jaya secara tahunan. Penyerahan sumbangan pakaian atau uniform sekolah ini diharapkan dapat menyuntik semangat para pelajar dari golongan asnaf fakir dan miskin supaya lebih bersungguh-sungguh dalam pelajaran dan belajar lebih tekun dalam meningkatkan prestasi pelajaran mereka (Laporan Pengurusan Zakat Selangor, 2008).

Usaha LZS ini dilihat telah menampakkan hasil apabila bilangan anak-anak fakir dan miskin yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan meningkat dari tahun ke tahun. Ia memberikan gambaran bahawa kemiskinan bukan lagi menjadi penghalang untuk golongan asnaf fakir dan miskin ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kejayaan anak-anak asnaf fakir dan miskin ini menjadi kebanggaan kepada LZS serta pembayar zakat seterusnya mereka menjadi contoh kepada anak asnaf yang lain dalam membuktikan bahawa dana zakat dapat melahirkan lebih ramai lagi anak-anak asnaf yang berjaya dan cemerlang dalam pendidikan. (Laporan Kutipan dan Agihan Zakat, Info Zakat, Lembaga Zakat Selangor, 2013).

#### **4. PENUTUP**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik, penyelidik mendapati bahawa institusi zakat di Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan pendidikan anak-anak golongan asnaf zakat iaitu melalui skim dan bantuan pendidikan yang telah diberikan. Institusi zakat di Malaysia juga telah berusaha keras dalam melaksanakan aktiviti dan program pembangunan pendidikan kepada golongan asnaf zakat dan usaha yang berterusan ini seharusnya mendapat pujian daripada semua pihak. Seharusnya anak-anak golongan asnaf juga dapat memanfaatkan skim dan bentuk bantuan yang telah ditawarkan supaya dapat membantu meringankan beban mereka dalam membayar yuran persekolahan dan pengajian di institusi pengajian tinggi. Diharapkan bahawa dengan adanya skim dan bantuan pendidikan yang telah diberikan oleh institusi zakat di Malaysia dapat menggalakkan golongan asnaf supaya mementingkan pendidikan dan ilmu pengetahuan sebagaimana yang digalakkan dalam Islam iaitu menuntut ilmu adalah satu kewajipan kepada semua umat Islam. Dengan usaha seperti ini, ia seharusnya dapat menaikkan lagi martabat golongan asnaf, memperbaiki taraf hidup golongan asnaf, melahirkan lebih banyak lagi pelajar asnaf yang berjaya di dalam dan luar negara dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kurang masalah dalam keciciran pelajaran.



## RUJUKAN

Ab Rahman, Azman dan Makhtar, Ahmad Wifaq. (2011). Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Jawhar*. Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri.

Abd Halim & Mohd Saladin. (2011). 'Pengurusan Agihan Zakat: *Fiqh Zakat Malaysia*. Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ). Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Bantuan: Pendidikan. Lembaga Zakat Selangor (PPZS). [www.e-zakat.com.my](http://www.e-zakat.com.my)

Buku Panduan Skim Agihan Bantuan Zakat. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. <http://maidam.terengganu.gov.my/>

Dasar Agihan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (1994).

<http://www.zakatkedah.com/index.php/agihan-zakat/skim-bantuan>

<http://www.zakatpenang.com/index.php/info-asnaf/jenis-jenis-bantuan-agihan>

Jabatan Wakaf Zakat dan Haji. [www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)

Laporan Zakat PPZ-MAIWP. (2010, 2009, 2008, 2007). Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Laporan Kutipan dan Agihan Zakat. (2013). Info Zakat, Lembaga Zakat Selangor.

Laporan Pengurusan Zakat Selangor. (2008). Lembaga Zakat Selangor.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. [http://www.e-maik.my/public\\_new/index.php](http://www.e-maik.my/public_new/index.php)

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. <http://maip.perlis.gov.my/>

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. <http://www.maiamp.gov.my/>

Majlis Agama Islam Negeri Johor. <http://www.maij.gov.my/>

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. <http://www.zakat.com.my/>

Mohd Ashrof dan Mohammad Mahyuddin, (2011). 'Perakaunan Zakat', *Fiqh Zakat Malaysia*. Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Mohd Yusof. (2013). *Kedudukan Ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat: Fatwa dan Amalan di Negeri Sembilan*. Kertas kerja pembentangan di Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan Siri 1/2013. Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia. 11 Disember 2013, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Norsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf. (2009). "Peranan harta Wakaf Dalam Bidang Pembangunan Dan Pendidikan Ummah: Fokus Dalam Bidang Perubatan". *Jurnal Pengurusan Jawhar*. Jabatan Wakaf, Zakat & Haji. Jabatan Perdana Menteri.

Pulau Pinang memberi pembiayaan di dalam pendidikan dalam sudut Persekolahan, Pakaian Seragam, Permulaan ke IPT ( Dalam & Luar Negara ), Biasiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat dan Khusus Kecemerlangan Minda.

Pusat Kutipan Zakat Negeri Pahang. <http://www.zakatpahang.my/v2/default.aspx>

Pusat Pungutan Zakat Negeri Sembilan (PPZNS). [www.zakatns.com.my](http://www.zakatns.com.my)

Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. <http://www.zakatpenang.com/>

Pusat Zakat Melaka. <http://www.izakat.com/>

Pusat Zakat Sabah. <http://www.zakat.sabah.gov.my/>

Selangor membiayai Bantuan yuran sekolah rendah/menengah, Bantuan Keperluan Pendidikan dan Biasiswa pelajaran. <http://www.e-zakat.com.my/jenis-bantuan-pendidikan/>

Sinar Harian. (28 Februari 2013). "Tidak mampu bayar yuran, anak terpaksa berhenti sekolah".

Skim Bantuan. Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman. <http://www.zakatkedah.com/index.php>

Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak. <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatharta.html>